

22 MAY 2000

GHAFAR BABA DIANUGERAH DOKTOR KEHORMAT OLEH UiTM

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba akan dianugerahkan Doktor Kehormat Sains Politik pada majlis konvokesyen Universiti Teknologi Mara (UiTM), Khamis ini.

Anugerah itu adalah yang kedua diterima oleh Ghafar selepas anugerah Doktor Kehormat Undang-undang yang diterimanya daripada Universiti Sains Malaysia pada 1985.

Pada sidang media di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) Cheras di sini, Ghafar berkata penyakit lelah yang dihidapinya sekarang tidak akan menghalang beliau menghadiri majlis penganugerahan berkenaan.

Beliau sekarang dirawat di HUKM sejak dua hari lepas.

"Esok saya akan keluar hospital...saya akan membuat persiapan sebelum menerima anugerah berkenaan," kata Ghafar yang juga anggota Parlimen kawasan Batu Berendam.

Ghafar, 75, ialah Pegerusi pertama Majlis Amanah Rakyat (Mara) pada 1967 dan beliau adalah antara pengasas Maktab Mara yang selepas itu dikenali sebagai Institut Teknologi Mara (ITM).

Pada Ogos 1999 Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa ITM dinaikkan taraf kepada universiti.

--BERNAMA

NY NAK